

# INISIATIF UNTUK MENANGANI MASALAH MEMBACA DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH PASCA PANDEMIK COVID-19

*Initiative to Address Reading Problems Among Primary School Students Post-Covid-19 Pandemic*

**Wan Alia Zukrina Binti Wan Fauzi<sup>1</sup> & Nur Farahkhanna Mohd Rusli<sup>2\*</sup>**

<sup>1,2</sup> Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
<sup>1</sup>aliazukrina09@gmail.com <sup>2</sup>farahkhanna@fbk.upsi.edu.my

**Published:** 12 Disember 2024

**To cite this article (APA):** Wan Fauzi, W. A. Z., & Mohd Rusli, N. F. (2024). Inisiatif untuk Menangani Masalah Membaca dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Pasca Pandemik Covid-19. *Jurnal Peradaban Melayu*, 19(2), 15–23. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol19.2.2.2024>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol19.2.2.2024>

## ABSTRAK

Makalah ini bertujuan membincangkan inisiatif untuk menangani masalah membaca dalam kalangan murid sekolah rendah pasca Pandemik Covid-19. Kajian yang dilaksanakan ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah temu bual dan kaedah kepustakaan. Kaedah temu bual berstruktur dilakukan kepada tiga orang guru subjek Bahasa Melayu yang kesemuanya berpengalaman lebih 15 tahun. Kaedah kepustakaan pula dilakukan dengan merujuk pelbagai bahan bertulis yang berautoriti berkenaan kemahiran membaca. Data yang diperoleh akan dianalisis dengan mentranskripsikan semula semua maklumat yang diperolehi daripada informan melalui sesi temu bual. Hasil kajian menunjukkan antara inisiatif yang efektif untuk meningkatkan kemahiran membaca pada pandangan guru-guru ialah (i) teknik bacaan fonik, (ii) pemilihan bahan bantu mengajar yang bersesuaian, (iii) teknik pandang sebut, dan (iv) latih tubi. Dari segi implikasi, kajian ini berusaha membuka mata semua pihak untuk merangka pelbagai inisiatif bagi menangani masalah membaca dalam kalangan murid pasca pandemik Covid-19 bertujuan membantu meningkatkan tahap penguasaan membaca murid.

**Kata kunci:** inisiatif; masalah; membaca; murid; pasca Pandemik Covid-19

## ABSTRACT

*This paper aims to discuss initiatives to deal with reading problems among primary school students after the Covid-19 Pandemic. This study is a qualitative study that uses interview methods and library methods. The structured interview method was conducted to three Malay subject teachers who all had more than 15 years of experience. The library method is done by referring to various authoritative written materials regarding reading skills. The data obtained will be analyzed by re-transcribing all the information obtained from the informant through the interview session. The results of the study show that effective initiatives to improve reading skills in the view of teachers are (i) phonics reading techniques, (ii) selection of appropriate teaching aids, (iii) look-and-say techniques, and (iv) drill. In terms of implications, this study seeks to open the eyes of all parties to devise various initiatives to deal with reading problems among students after the Covid-19 pandemic, with the aim of helping to improve students' reading proficiency.*

**Keywords:** initiative; problems; reading; students; post-Covid-19 Pandemic

## PENGENALAN

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016), membaca merupakan perilaku untuk menelaah sesuatu bahan bercetak atau bertulis dengan teliti justeru memahami maksud yang terkandung. Terdapat banyak kepentingan penerapan kemahiran membaca bermula daripada kecil termasuklah mampu meningkatkan kemahiran berbahasa, menyemai hobi minat membaca, meningkatkan ilmu pengetahuan seseorang dan sebagainya. Kebolehan membaca sangat penting kerana ia boleh menjadi skil yang bernilai sebagai asas mendapatkan ilmu pengetahuan dan asas dalam pembentukan modal insan yang berkualiti (Abdul Rasid Jamian, 2021). Kemahiran membaca juga menjadi signifikan kepada setiap individu terutamanya kepada masyarakat pada masa kini kerana jika seseorang itu tidak tahu membaca maka perkara tersebut dianggap janggal kerana era kecanggihan kini menuntut masyarakat untuk tahu membaca. Kehidupan kini sudah dipenuhi dengan dunia elektronik yang mana penyampaian mesej, informasi dan juga berita-berita semasa sudah tersebar luas menerusi media elektronik.

Rentetan daripada penularan wabak Covid-19 yang melanda dunia pada tahun 2019, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan sistem Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sebagai inisiatif untuk meneruskan pengajaran dan pembelajaran murid sewaktu tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berlangsung (Nilavani Mahalingam & Khairul Azhar Jamaludin, 2021). Menurut Mohd Fairuz Jafar et. al. (2020), konsep PdPR sinonim dengan e-pembelajaran, iaitu perubahan kaedah pendidikan tradisional kepada pendidikan dalam alam maya. Pelaksanaan PdPR dalam sistem pendidikan merupakan norma dan inisiatif baharu yang harus dilaksanakan oleh semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dengan bidang pendidikan tidak kira murid, ibu bapa atau tenaga pengajar ketika wabak pandemik melanda dunia pada ketika itu.

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016), inisiatif merupakan suatu tindakan yang menjadi daya usaha dalam melakukan sesuatu. Setelah pelbagai faktor diutarakan daripada permasalahan tahap penguasaan kemahiran membaca yang merosot, pihak guru terutamanya telah melakukan pelbagai inisiatif dalam membendung masalah ini daripada berlarutan. Inisiatif yang dilaksanakan oleh guru-guru bahasa Melayu yang berpengalaman ini adalah bagi meningkatkan semula tahap penguasaan 3M murid-murid sekolah rendah selain meningkatkan tahap penguasaan kemahiran membaca. Tahap penguasaan kemahiran 3M terutamanya haruslah dikuasai sejak pendidikan awal. Hal ini dikatakan demikian demi menjamin kualiti kehidupan yang lebih baik terhadap murid-murid jika kita lihat daripada kesan masa panjang. Tambahan itu, inisiatif ini juga bertujuan mempertingkatkan jumlah murid-murid yang lebih berdaya saing dalam bidang pendidikan dan sebagainya di masa hadapan. Kemahiran membaca terutamanya sangat penting bagi melahirkan murid-murid yang bijak pandai dan seterusnya menjadi pelapis negara yang berkualiti.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini melibatkan tiga orang guru bahasa Melayu sebagai responden kajian. Berikut ialah maklumat demografi bagi ketiga-tiga responden:

**Jadual 1:** Demografi Guru

Res.	Jantina	Bangsa	Agama	Pengalaman Mengajar (Tahun)	Major dan Minor
1	Perempuan	Melayu	Islam	25	Pengajian Melayu
2	Perempuan	Melayu	Islam	15	KPLI Sekolah Rendah dan Opsyen Pemulihan Khas Bahasa Melayu
3	Perempuan	Melayu	Islam	Lebih 20 tahun	Pengajian Melayu

Berdasarkan Jadual 1, ketiga-tiga responden yang dipilih adalah berbangsa Melayu, beragama Islam dan tinggal di kawasan luar bandar. Guru yang pertama mempunyai pengalaman selama 25 tahun mengajar dan mengambil Pengajian Melayu sebagai major dan minor. Guru yang kedua pula mempunyai pengalaman selama 15 tahun mengajar dan mengambil KPLI sekolah rendah dan opsyen pemulihan khas Bahasa Melayu sebagai major dan minor. Guru yang terakhir pula mempunyai pengalaman selama lebih 20 tahun mengajar dan mengambil Pengajian Melayu sebagai major dan minor. Seterusnya, perbincangan akan menghuraikan tentang inisiatif untuk menangani masalah membaca dalam kalangan murid sekolah rendah pasca pandemik Covid-19 yang meliputi (i) teknik bacaan fonik, (ii) pemilihan bahan bantu mengajar yang bersesuaian, (iii) teknik pandang sebut (*look-and-say*), dan (iv) latih tubi.

### a) Teknik bacaan fonik

Fonik merupakan teknik mengajar kemahiran membaca dengan cara melatih murid-murid menghubungkaitkan lambang atau huruf dengan bunyinya (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016). Menurut Yahya Othman et. al. (2016), teknik atau kaedah pengajaran fonik ini sesuai diaplikasikan dalam pengajaran kemahiran membaca terutamanya pada peringkat pra-sekolah. Teknik atau kaedah ini diaplikasikan kepada murid supaya dapat melatih mereka lebih mengenal atau mengecam huruf melalui padanan huruf dan juga bunyi secara serentak. Jika pengajaran mengenal huruf sebelum ini kita akan belajar mengenal huruf dahulu. Setelah itu barulah belajar untuk menghafal bunyi huruf jika wujud penambahan huruf lain. Namun kaedah fonik ini lebih menekankan kepada untuk terus belajar bunyi sesuatu lambang tersebut. Menurut Alifah Abdul Aziz menerusi laman Penyelidikan AWAL (2020), apabila teknik fonik diperkenalkan kepada anak atau murid, mereka akan menguasai cara mengecam huruf dengan bunyi kemudian mereka pandai menggabungkan bunyi sesuatu abjad asas.

Berdasarkan hasil temu bual, responden bersetuju dengan kenyataan bahawa ‘teknik fonik’ mampu membantu murid untuk belajar membaca. Namun hal yang demikian, pihak responden juga menjelaskan bahawa, teknik fonik dalam pengajaran membaca di sekolah rendah memerlukan murid untuk mempunyai asas teknik fonik. Misalnya, murid yang telah belajar teknik fonik ini di peringkat tadika bolehlah diteruskan. Namun demikian, jika murid tidak pernah diperkenalkan dengan teknik bacaan fonik ini lebih baik memperkenalkan sistem ejaan biasa. Pengaplikasian teknik fonik ini dalam kelas juga sudah tentu menuntut pihak guru untuk mahir dan kuasai teknik ini. Jika tidak ia akan menimbulkan kekeliruan bagi pihak murid yang juga baru nak belajar membaca. Berikut merupakan data hasil daripada temu bual yang dilaksanakan kepada tiga orang guru bahasa Melayu yang berpengalaman lebih 15 tahun:

*“Tidak sepenuhnya. Teknik fonik ini mungkin dari segi kemahiran membaca tu boleh. Namun jika diuji dalam bentuk menulis pula, menjadi satu masalah. Tambahan itu, teknik fonik ini tidak 100% guru bahasa melayu menguasai teknik fonik sepenuhnya. Jadi cikgu tidak bersetuju sepenuhnya pengaplikasian teknik fonik dalam kemahiran membaca. Mungkin murid boleh membaca namun terdapat juga murid yang tidak mampu mengenal huruf sebenar. Seperti yang kita tahu, fonik lebih menekankan bunyi sesuatu huruf atau gabungan huruf-huruf yang lain. Hal ini demikian akan memberi kesan kepada kemahiran menulis murid pula.”*

(Item C1, Responden 1)

*“Kemahiran fonik ni perlu ada pengetahuan asas fonik. Contohnya, murid telah mendapat pendidikan awal tentang fonik di peringkat tadika. Hal ini demikian bagus untuk mereka. Sebab di sekolah ini, kita ajar mengenal huruf dan lebih kepada mengeja seperti biasa. Bila murid-murid yang lain takde asas belajar fonem. Kita perlu ajar mengeja seperti biasa. Bermula dari mengenal huruf. Fonik ni setahu saya lebih kepada pengajaran bahasa Inggeris. Kalau BM kami lebih kepada suku kata. Tambah pula teknik fonik ni bagi saya agak baru dalam dunia pendidikan. Tidak semua guru juga mahir dengan pengajaran teknik fonik.”*

(Item C1, Responden 1)

*“Teknik ini bagus jika mereka telah mempelajarinya di tahap pendidikan awal seperti di tadika dan sebagainya. Namun untuk saya, teknik ini mungkin saya tak guna pun dalam pengajaran. Mungkin lain pendidik, lain cara. Namun untuk saya teknik ini bukanlah menjadi teknik utama dalam pengajaran kemahiran membaca. Selama saya mengajar, saya ajar je macam biasa.”*

(Item C1, Responden 1)

Berdasarkan ketiga-tiga respons daripada Responden 1, Responden 2 dan Responden 3, mereka jelas menyokong teknik fonik ini boleh membantu. Namun demikian, teknik fonik ini perlu diperkenalkan kepada murid lebih awal. Berdasarkan Responden 1 menjelaskan teknik ini tidak sepenuhnya membantu beliau. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut beliau mungkin teknik ini membantu kemahiran membaca namun jika diuji kemahiran menulis murid pula yang akan bermasalah. Seterusnya, Responden 2 juga turut berkata demikian. Menurutnya, teknik fonik ini lebih sesuai dalam pengajaran Bahasa Inggeris. Manakala Responden 3 pula menjelaskan bahawa teknik ini bagus jika dipelajari di tahap pendidikan awal tadika. Namun demikian, beliau akan memilih untuk mengajar membaca seperti konvensional dan beliau tidak mengaplikasikan pun teknik ini dalam pengajaran beliau sepanjang bergelar cikgu. Oleh hal yang demikian, jelaslah teknik fonik ini menjadi inisiatif dalam meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan murid sekolah rendah pasca pandemik Covid-19 namun teknik ini menuntut guru dan murid untuk kuasai kemahiran fonik terlebih dahulu.

### b) Pemilihan Bahan Bantu Mengajar yang Bersesuaian

Pemilihan bahan bantu pengajar (BBM) guru sebagai pemudahcara dalam pengajaran seharusnya disesuaikan dengan keperluan murid. Menurut Norazizah Mohamed Norok, & Khairul Farhah Kamaruddin (2022), pemilihan BBM yang sesuai dan menarik sangat penting dalam memastikan murid memberi tumpuan sepenuhnya sewaktu guru mengajar. Tambahan itu, penggunaan BBM yang sesuai dan menarik boleh merangsang minat murid dan seterusnya mampu memberikan motivasi kepada murid. Hal ini dikatakan demikian kerana BBM yang menarik tidak kira secara multimedia maupun maujud, mampu memudahkan penyampaian oleh guru dan penerimaan pembelajaran terhadap murid. Masa yang diperlukan untuk memahami sesuatu perkara lebih singkat berbanding sebelum ini jika BBM dilaksanakan oleh guru secara optimum.

Terdapat banyak BBM yang sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran guru untuk meningkatkan tahap penguasaan kemahiran membaca murid. BBM yang diaplikasikan dalam pengajaran kemahiran membaca sudah tentu bertujuan untuk mempermudahkan cara murid untuk mengenal huruf dan seterusnya menghafal sesuatu bunyi gabungan abjad yang bermula daripada 1 suku kata dan seterusnya. Penggunaan BBM yang konsisten secara tidak langsung mampu melatih murid dan menunjukkan perkembangan yang baik dari semasa ke semasa. Misalnya, guru mendedahkan BBM seperti *flash card* kepada murid yang tidak pandai membaca. Mereka akan lebih tertarik dan memudahkan mereka belajar mengenal huruf bermula 1 suku kata dan seterusnya. Berikut merupakan hasil temu bual yang dilaksanakan terhadap guru berkenaan pengaplikasian BBM *flash card* sewaktu pengajaran kemahiran membaca:

*“Cikgu lebih bersetuju dengan penggunaan flash card dalam pengajaran kemahiran membaca murid. Latih tubi juga membantu. Pengukuhan dan pengayaan itu perlu. Apabila murid dah ingat, mereka akan lupa. Sebabnya murid di sekolah bukan belajar BM saja. Bila takde pengukuhan dirumah, hilanglah kemahiran. Dalam hal ini kita bukan membicarakan hal pandemik semata-mata. Contohnya sewaktu cuti panjang saja. Cuti sekolah 2 minggu atau cuti akhir tahun sebulan. Sudah memberi kesan yang jelas kepada kemahiran membaca murid. Inikan pula efek selepas pdpr sewaktu pandemik”*

*“Selepas cuti sekolah biasa pun, pihak sekolah kena mula balik pengajaran kemahiran membaca. Jadi penggunaan flash card ini merupakan perkara yang mampu mengajak murid-murid di usia ini untuk. Kad imbasan. Mampu menarik minat murid. Contohnya di sekolah ini, kita ada program yang berbentuk pemulihan. Huruf warna warni. Dpt fokus dngn baik.*

*Cikgu ambik anak murid yang lebih sedikit. Otak segar awal pagi jam 7. Pengajaran lebih fokus. 1 guru 3 org murid menggunakananya”*

(Item C2, Responden 1)

*“Ya sangat membantu. Flashcard sangat membantu murid pada usia sekolah rendah untuk mengenal suku kata perkataan dengan baik. Oleh itu pendapat saya, murid perlu juga untuk mengenal dan mengecam huruf atau abjad. Tidak seperti teknik fonik yang lebih mementingkan bunyi sesuatu abjad atau huruf berbanding mengecam atau mengenal huruf. Contohnya flash card dalam pengajaran boleh digunakan 10 minit awal pengajaran dan kemudiannya minta mereka cantum suku perkataan ketika penutup pengajaran ketika 10 minit terakhir.”*

*“Pendedahan kepada pengecaman huruf-huruf vokal yang mahir mampu meningkatkan kemahiran membaca murid. Contohnya apabila murid mengecam huruf a, e, i, o ,u bersama dengan sebutannya akan memudahkan guru untuk menambah perkataan baru di hadapan menjadi suku kata. Misalnya di tambah huruf B dalam vokal a menjadi /ba/. Seterusnya /bi/, /bu/, /be/, /ba/, /bo/ dan kemudianya dilakukan berulang-ulang dalam vokal seterusnya. Hal ini demikian membantu murid untuk lebih mudah mengeja apabila disokong pula dengan penggunaan flashcard.”*

(Item C2, Responden 2)

*“Ya teknik ini lebih mampu merangsang minat murid terutamanya mereka di sekolah rendah. Kita perlu ajar mereka langkah demi langkah. Dalam membentuk perkataan sudah tentu kena tahu dulu pembentukan suku kata. Buat ulang kali pun mereka masih tidak jemu dan berlumba-lumba untuk menjawab. Flash card ini sangat membantu dalam mengajar membaca terutamanya murid sekolah rendah kan mereka suka sangat kalau cikgu buat aktiviti.”*

(Item C2, Responden 3)

Berdasarkan respons guru terhadap penggunaan BBM *flash card* dalam pengajaran kemahiran membaca, jelas menunjukkan mereka sangat bersetuju dengan pengaplikasian ini. Menurut Responden 1, penggunaan *flash card* ini berguna untuk melatih murid mengingat semula bagaimana untuk mengeja dan membaca. Manakala, Responden 2 pula menjelaskan *flash card* ini boleh digunakan 10 minit pada awal pengajaran supaya murid bersemangat untuk memulakan pembelajaran mereka. Akhir sekali responden 3 pula menjelaskan penggunaan *flash card* ini berguna kepada murid sekolah rendah. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut beliau, murid sekolah rendah lebih berminat untuk belajar jika guru menyelitkan aktiviti dalam pembelajaran. Khofifah Indah Parawansa, Sri Haryanto dan Pamungkas Stiya Mulyani (2022) turut menyokong bahawa penggunaan *flash card* boleh meningkatkan tahap penguasaan kemahiran membaca seseorang. Oleh hal yang demikian, jelaslah inisiatif untuk menangani masalah membaca dalam kalangan murid sekolah rendah pasca pandemik Covid-19 antaranya adalah penggunaan BBM yang sesuai seperti *flash card*.

### a) Teknik Pandang Sebut

Teknik pandang dan sebut atau *look-and-say* juga merupakan inisiatif yang efektif untuk menangani masalah membaca dalam kalangan murid sekolah rendah pasca pandemik Covid-19. Teknik ini juga dikenali sebagai kaedah *whole word* atau seluruh perkataan. Teknik pandang sebut ini mampu menjadikan pembelajaran kemahiran membaca terhadap murid sekolah rendah menjadi lebih menarik. Hal ini dikatakan demikian kerana teknik pandang dan sebut ini menggunakan kaedah dengan memperkenalkan sesuatu perkataan dengan bahan bantu mengajar seperti gambar, objek atau apa-apa sahaja yang terdapat dipersekutaran kelas (Naquiah Nahar & Jimain Safar, 2016). Guru-guru boleh memanfaatkan persekitaran kelas sebagai pemudahcara dalam pengajaran kemahiran membaca ini. Hal ini demikian menjadikan murid lebih bersemangat untuk meneka objek tersebut dan seterusnya mengeja nama bagi objek tersebut. Jelaslah teknik ini mampu membantu guru dan juga murid dalam kelas.

Berdasarkan hasil temu bual yang dilaksanakan dalam kajian ini, guru-guru menjelaskan terdapat teknik pandang sebut dalam pengajaran merupakan antara inisiatif yang efektif dalam menggalakkan murid supaya boleh membaca dengan lancar. Seperti yang kita ketahui, tahap kemahiran membaca dalam kalangan murid selepas pandemik Covid-19 melanda negara adalah berada pada tahap yang membimbangkan ramai. Daripada hal tersebut, guru-guru bersetuju bahawa kadar buta huruf turut meningkat. Oleh hal yang demikian, teknik pandang sebut yang diperkenalkan adalah untuk mengajak murid-murid untuk belajar mengeja sambil bermain. Teknik pandang sebut merupakan suatu teknik pengajaran yang menggunakan objek di sekitar bilik darjah sebagai bantu mengajar. Misalnya, apabila guru menunjukkan suatu objek seperti botol air murid kemudiannya dikehendaki untuk mengeja perkataan bagi objek tersebut. Data temu bual yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

*“Seperti yang saya cakap tadi, berbanding kesemua teknik ini cikgu lebih bersetuju dengan penggunaan flash card, pandang sebut atau latih tubi. Oleh itu saya cakap sebelum ini, pengukuhan dan pengayaan sangat penting. Teknik pandang sebut pun dapat menjadikan murid lebih ‘enjoy’ dengan pengajaran tanpa rasa boring. Seperti kita tahu, untuk murid-murid yang mahir membaca tidak begitu gemar dengan teknik pandang sebut ini. Namun untuk murid yang merangkak dalam mengeja mereka lebih rasa tercabar dan ingin menyelesaikan masalah seperti mengeja. Tengok tahap murid juga.”*

(Item C3, Responden 1)

*“Bagi saya, ya teknik pandang sebut ini sangat membantu juga kerana saya sendiri pun sering menggunakan teknik pandang sebut. Selain mampu merangsang murid untuk lebih mahir membaca, teknik ini juga mampu mencungkil pengetahuan sedia ada murid-murid. Misalnya saya tunjuk botol air ini lalu saya bertanya mereka nampak apa? Apabila mereka menjawab, saya nampak botol. Kita sebagai guru boleh terus bertanya misalnya, botol air ini selain boleh digunakan untuk letak air, kita boleh letak apa?”*

*“Mungkin murid menjawab boleh letak bunga dan botol ini sebagai pasu. Seterusnya dalam pengajaran kemahiran membaca, kita boleh minta murid untuk mengeja apa yang mereka nampak tadi. Saya sendiri memang menggunakan teknik ini dalam pengajaran kemahiran membaca. Murid lebih seronok. Teknik ini biasanya saya gunakan dalam tempoh induksi. Saya akan membawa barang atau objek atau gambar dan kemudian minta untuk mereka sebut dan ejा.”*

(Item C3, Responden 2)

*“Ya, ya.. teknik ini pun saya bersetuju untuk dilaksanakan. Murid sekolah rendah kita tahu mereka lebih cenderung memilih bermain. Jadi ya lah teknik ini salah satu teknik yang mengajak mereka untuk belajar sambil bermain. Untuk teknik ini mungkin kita boleh minta mereka untuk ejा sambil menyebut apa yang mereka nampak”.*

(Item C3, Responden 3)

Berdasarkan data temu bual, wujud kesinambungan antara ketiga-tiga iaitu Responden 1, Responden 2 dan Responden 3 apabila semua responden bersetuju teknik ‘pandang dan sebut’ merupakan inisiatif yang berkesan dalam meningkatkan tahap kemahiran membaca murid sekolah rendah. Responden yang pertama bersetuju dengan teknik pandang sebut ini. Namun demikian, beliau turut menyatakan bahawa teknik pandang sebut ini mungkin murid boleh belajar sambil bermain. Namun demikian, beliau turut menjelaskan bahawa guru harus sedar dengan teknik yang diketengahkan kepada murid-murid. Teknik yang digunakan dalam kelas haruslah mengikut tahap penguasaan murid. Hal ini dikatakan demikian supaya murid dapat mengikuti pembelajaran yang dilaksanakan. Kaedah ini sesuai dilaksanakan kepada murid yang memang tidak tahu mengeja dan membaca. Namun, mungkin teknik ini sedikit membosankan bagi murid yang sudah mahir membaca.

Responden 2 lebih bersetuju dengan teknik ini. Beliau menjelaskan bahawa teknik ini sering kali digunakan oleh beliau pada fasa induksi. Tambahan beliau, melalui teknik pandang sebut ini murid mengeja

perkataan bagi objek tersebut, murid akan dinilai samada ejaan yang dipersembahkan adalah betul atau sebaliknya. Seterusnya, pihak guru akan mempelbagaikan objek tersebut mengikut kreativiti guru. Misalnya botol air yang diperlihatkan tadi guru akan memasukkan beberapa kaki bunga. Setelah itu, guru akan meminta murid untuk mengenal pasti objek tersebut ialah ‘pasu bunga’ dan murid dikehendaki mengeja ‘pasu bunga’ untuk perkataan seterusnya. Teknik pandang sebut yang dilaksanakan ini secara tidak langsung mampu menggalakkan murid untuk belajar mengeja tanpa merasa dipaksa. Setelah itu, guru-guru dapat menilai tahap penguasaan mengeja dan membaca murid.

Tambahan itu, berdasarkan hasil temu bual turut menjelaskan bahawa teknik pandang sebut ini bukan sahaja mampu menggalakkan murid untuk mengeja malah mampu mencungkil pengetahuan sedia ada seseorang murid. Oleh hal yang demikian jelaslah inisiatif yang dilaksanakan oleh guru ini mampu meningkatkan tahap penguasaan membaca murid sekolah rendah pasca pandemik Covid-19. Responden 3 juga menjelaskan kebaikan teknik ini dilakukan kepada murid sekolah rendah. Pada data yang dikumpul, responden ini menjelaskan murid Tahun 2 ini semestinya akan memilih untuk lebih bermain sambil belajar. Oleh itu, teknik pandang sebut yang diaplikasikan dalam pengajaran mampu memupuk minat murid untuk melibatkan diri dalam pengajaran. Selain kaedah ini mampu mengajak murid untuk mengeja perkataan, ia juga memudahkan pihak tenaga mengajar dalam proses pengajaran yang berlangsung.

#### d) Latih Tubi

Antara inisiatif lain yang boleh dilaksanakan menangani masalah membaca dalam kalangan murid sekolah rendah pasca pandemik Covid-19 semestinya latih tubi yang dilakukan secara konsisten oleh pihak guru atau ibu bapa di rumah. Latih tubi dalam kemahiran membaca boleh dibuat sama ada menggunakan aktiviti pengulangan. Aktiviti pengulangan yang dimaksudkan adalah aktiviti mengulang sesuatu perkara seperti mengulang sebutan, mengulang bahan bacaan. Aktiviti pengulangan yang dilakukan ini mampu menjadikan murid mempunyai peluang untuk mengenal pasti bunyi atau sebutan sesuatu perkataan. Menurut Roslan Chin dan Nurahimah Yusoff (2017), penggunaan latih tubi menggunakan teknik perulangan ini menjadikan murid lebih menguasai kemahiran membaca dengan menyebut huruf, membatangkan atau mencerakinkan suku kata, perkataan atau ayat. Tambahan itu, menurut Roslan Chin dan Nurahimah Yusoff juga latih tubi yang dilaksanakan tersebut murid-murid secara tidak langsung mengalami ‘proses mendengar, melihat, memikir maksud perkataan-perkataan serta tugasnya dalam situasi penggunaan perkataan-perkataan yang dimaksudkan’. Proses pengumpulan data dalam kajian ini telah merakamkan respons Responden 1 berkenaan dengan kaedah latih tubi dalam meningkatkan kemahiran membaca murid. Data dipersembahkan seperti berikut:

*“Latih tubi juga membantu. Pengukuhan dan pengayaan itu perlu. Apabila murid dah ingat, mereka akan lupa. Sebabnya murid di sekolah bukan belajar Bahasa Melayu saja. Bila takde pengukuhan dirumah, hilanglah kemahiran.”*

(Item C2, Responden 1)

Berdasarkan hasil temu bual, Responden 1 menjelaskan bahawa dalam meningkatkan tahap kemahiran membaca murid sekolah rendah latihan atau latih tubi sangat membantu. Tambahan itu, pengukuhan dan juga pengayaan juga perlu bagi mewujudkan kesinambungan pembelajaran di sekolah dan di rumah. Menurut Responden 1 dalam Item C2, beliau menjelaskan bahawa murid di sekolah rendah sudah tentu akan menjalani dan menghadiri banyak lagi kelas bagi subjek lain selain subjek Bahasa Melayu. Hal ini demikian menjadikan murid mudah lupa tentang pengajaran yang berlaku dalam kelas sebelumnya. Oleh hal yang demikian, penyelesaian terbaik adalah dengan memberikan tugasan seperti latih tubi, pengukuhan dan pengayaan. Hal ini demikian supaya kemahiran ini sentiasa digilap dan tidak hilang walaupun murid pulang ke rumah.

## KESIMPULAN

Berdasarkan hasil temu bual yang dilaksanakan kepada responden, terdapat pelbagai inisiatif atau langkah yang telah dicadangkan oleh guru untuk menangani masalah membaca dalam kalangan murid pasca pandemik. Antara inisiatif yang efektif untuk meningkatkan kemahiran membaca ialah (i) teknik bacaan fonik, (ii) pemilihan bahan bantu mengajar yang bersesuaian, (iii) teknik pandang sebut (*look-and-say*), dan (iv) latih tubi. Seterusnya, kajian ini mengemukakan beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan untuk tindakan susulan pada masa akan datang. Sebagai contoh, pihak KPM boleh memperkasakan kembali strategi-strategi yang membantu meningkatkan tahap penguasaan membaca dari peringkat awal seperti menyusun semula kerangka berkenaan program-program membaca di sekolah rendah. Ibu bapa misalnya wajar bersama-sama membendung masalah ini seperti membantu anak mereka dengan memberi dorongan kepada mereka sewaktu keberadaannya di rumah.

Permasalahan yang timbul dalam dunia pendidikan telah menjadi kayu ukur sejauh mana tahap kualiti pendidikan di negara kita pada hari ini. Kajian yang dilaksanakan ini juga tercusus daripada perasaan rasa ingin tahu dan keprihatinan pengkaji yang berada dalam bidang pendidikan terhadap tahap pendidikan di negara kita. Hasil kajian jelas menunjukkan penguasaan kemahiran 3M masih belum seimbang oleh akibat sistem PdPR yang berlangsung sewaktu pandemik Covid-19 tahun lalu. Oleh hal yang demikian, kajian ini mencadangkan supaya wujud kajian tentang inisiatif baharu dan terkini dalam mengawal masalah membaca murid. Hal ini demikian tidak bermaksud inisiatif sebelum ini tidak memberi kesan, namun pada zaman Malaysia Madani kini sudah pasti memerlukan revolusi terbaru dalam sistem pendidikan. Dengan adanya langkah ini sudah pasti kita mampu melahirkan modal insan yang lebih berpotensi pada masa akan datang. Kesimpulannya, kajian ini berusaha merungkaikan realiti sebenar sistem pendidikan negara. Penyusunan semula dalam pelbagai aspek dan bidang adalah perlu demi melihat perkembangan yang lebih baik. Oleh hal yang demikian, pihak tertentu wajar mencari penyelesaian yang lebih berimpak kepada anak bangsa.

## RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian. (2021). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 1-12.
- Alifah Abdul Aziz. (2020). 5 Aktiviti Fonik untuk meningkatkan kemahiran membaca anak; Laman Penyelidikan AWAL. Diperoleh pada 20 Julai 2023 daripada <https://awal.my/5- aktiviti-fonik-untuk-meningkatkan-kemahiran-membaca-anak/>
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2016). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Khofifah Indah Parawansa, Sri Haryanto dan Pamungkas Stiya Mulyani. (2022). Penggunaan media flashcard untuk meningkatkan kemampuan membaca siswa pada mata pelajaran Bahasa Indonesia di Mi Klesman: Indonesia. *Jurnal Informatika dan Teknologi Pendidikan*, 2(2), 72-78.
- Melisa Eka Susanti. (2018). Upaya dalam mengembangkan bahasa ekspresif melalui metode bercerita pada anak usia dini di TK Assalam 2 Pulau Singkep Bandar Lampung. *Doctoral Dissertation*. UIN Raden Intan Lampung.
- Mohd Fairuz Jafar, Zetty Akmar Amran, Mohd Faiz Mohd Yaakob, Mat Rahimi Yusof & Hapini Awang. (2020). Kesediaan pembelajaran dalam talian semasa pandemik Covid 19. *Prosiding Seminar Darulaman 2020 Peringkat Kebangsaan*, 404-410.
- Naquiah Nahar & Jimain Safar. (2016). Amalan pengajaran Jawi dalam pendidikan masa kini: Suatu tinjauan. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 2(2), 70-85.
- Nilavani Mahalingam & Khairul Azhar Jamaludin (2021). Impak dan cabaran pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran atas talian semasa perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 104-115.
- Nirwana Sudirman & Zulkifley Hamid. (2016). Pantun Melayu sebagai cerminan kebitaraan perenggu minda Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2), 145-159.
- Norazizah Mohamed Norok, & Khairul Farhah Kamaruddin. (2022). Tahap kesediaan guru terhadap penggunaan kaedah bermain sambil belajar bagi Murid Berkeperluan Khas Pembelajaran.

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7(1), 132–144.  
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i1.1246>

Roslan Chin dan Nurahimah Yusoff. (2017). Penggunaan strategi pembelajaran bahasa untuk menguasai kemahiran membaca dalam kalangan murid pemulihian khas. In: *International Conference on the Scholarship of Teaching and Learning (ICSoTL 2017)*, 4 - 5 April 2017, UUM EDC Hotels & Resorts, Sintok, Kedah, Malaysia.

Yahya Othman et. al. (2016). Pelaksanaan pengajaran membaca menggunakan kaedah fonik peringkat prasekolah di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1), 93-109.